

PTPTN agih sumbangan Merdeka Raya

Selalu dekat masyarakat, perluas info

Badrul Kamal Zakaria
trulkamal@bharian.com.my

SOMBANG: Sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Merdeka yang disambut setak pada tahun ini, Perbadanan Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), semalam menganjurkan program Merdeka Raya PTPTN dengan mengagihkan sebanyak 100 beg kepada orang ramai di Plaza Tol Gombak dan KL Sentral di sini.

Selain makanan ringan dibekalkan kepada mereka yang akan pulang berhari raya ke kampung masing-masing, PTPTN turut meletakkan risalah maklumat terkini ini berkenaan terutama pelan pembayaran balik pinjaman.

Pengerusinya, Datuk Ismail Mohamed Said, berkata program jualan kali ini bertujuan mendekati masyarakat dan pada masa sama, diharapkan dapat memperluaskan maklumat mengenai badan

"Kita memilih Plaza Tol Gombak dan KL Sentral kerana kedua-dua lokasi berkenaan dikenal pasti sebagai antara laluan pilihan terbaik bagi pengguna jalan raya dan juga bagi golongan yang mengu-

nakan perkhidmatan pengangkutan awam.

"Program ini diharapkan akan dapat mendekatkan PTPTN dengan orang ramai. Melalui program seperti ini, kami juga dapat berinteraksi secara langsung dengan masyarakat khususnya dalam mempromosikan beberapa skim anjuran PTPTN seperti Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dan skim bayaran balik pinjaman mengikut sistem ujrah," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kepada orang ramai di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PTPTN, Agos Cholan dan Ahli Lembaga Pengarahnya, Senator Marliany Mohammad Yit.

Ismail berkata, melalui beberapa produk terbaru PTPTN seperti pengenalan sistem Ujrah dan SSPN akan dapat membantu orang ramai khususnya kepada mereka yang ingin mendapatkan bantuan kewangan bagi melanjutkan pelajaran ke tahap tertinggi.

"Kita tidak mahu alasan kewangan akan membantutkan impian seseorang itu ke menara gading. SSPN ini diwujudkan untuk mendidik ibu bapa dan anak-anak mereka agar menabung untuk masa



ISMAIL, menyerahkan beg cenderamata kepada pengguna lebuhraya di Plaza Tol Gombak, semalam.

“Melalui program ini, kami juga dapat berinteraksi dengan masyarakat dalam promosi skim anjuran PTPTN **”**

Ismail Mohamed Said
Pengerusi PTPTN

depan mereka dan bukannya hanya menjadi seorang peminjam saja.

"Selain itu, kita juga menyediakan skim bayaran balik pinjaman mengikut sistem ujrah bagi menggantikan sistem konvensional sebelum ini. Melalui sistem baru ini, peminjam hanya akan dikenakan kadar upah sebanyak satu peratus saja berbanding kadar faedah lama, iaitu antara tiga dan empat peratus," katanya.

Katanya, PTPTN sentiasa berusaha membantu lebih ramai lagi pelajar pada masa depan dan pada tahun ini saja, pihaknya sudah memberikan wang pendahuluan sebanyak RM127.2 juta kepada lebih 50,000 lepasan Sijil Pelajar Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang bakal melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) pada September depan.